

Syaqiera mahu sumbang dua emas buat UPM

Oleh MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH

SELEPAS merangkul pingat emas temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022, penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Syaqiera Mashayikh mahu meneruskan aksi cemerlangnya pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2022).

Pemanah *recurve* kebangsaan itu mahu menggunakan pengalaman sebelum ini untuk membantu UPM menyumbang pingat emas dalam acara individu dan berpasukan.

Pada edisi kelima SUKIPT 2022 yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak tersebut, Syaqiera akan kekal bergandingan bersama Nuramalia Haneesha Mazlan dan Nur Afisa Abdul Hali.

Bagaimanapun, Syaqiera enggan memandangkan mudah

cabaran penuntut universiti lain ketika temasya edisi kali kelima tersebut berlangsung di Padang Istiadat, Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), UPSI.

“Saya sasar untuk menyumbang dua pingat emas buat UPM dalam acara individu dan berpasukan. Saya dan pasukan akan bawa pengalaman di AUG ke SUKIPT.

“Di SUKIPT nanti, saya akan bergandingan bersama Nuramalia dan Nur Afisa sewaktu meraih emas dalam acara berpasukan di AUG 2022. Saya harap kami mampu menjelmakan pingat emas buat UPM,” katanya.

Atlet kelahiran Segamat, Johor tersebut sebelum ini meraih gangsa acara *recurve* individu dan perak berpasukan campuran pada Sukan SEA Vietnam sebelum meneruskan momentum cemerlang di AUG 2022 dengan emas berpasukan dan perak dalam acara individu.



SYAQIERA (kiri) mahu menggunakan pengalaman ketika di AUG untuk membantu UPM merangkul pingat emas acara memanah *recurve* pada SUKIPT kali ini.